

Lawatan PM ke Jerman perluas kemakmuran politik, ekonomi

● Malaysia meminta kerjasama Jerman untuk merakamkan kebimbangan Malaysia mengenai impak pelaksanaan Peraturan Penyahhutan EU menyasarkan komoditi minyak sawit

● Hasil lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya meraih potensi pelaburan baharu bernilai RM45.4 bilion daripada tujuh syarikat Eropah bagi jangka masa lima hingga 10 tahun



Oleh Prof Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani
bhrencana@bh.com.my

Ramai tidak menyedari lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ke Jerman pada 10 sehingga 5 Mac lalu diperkatakan di seluruh dunia. Tumpuan dunia diberikan kepada ucapan Anwar memper-tahankan Palestin dan mengkritik hipokrasi Barat mengenai peperangan di Gaza, terutama pembunuhan beramai-ramai warga Palestin oleh tentera rejim Israel.

Ini satu keberanian jarang berlaku dan dilakukan pemimpin utama negara, seterusnya menjadi jurucakap kepada dunia Islam dan masyarakat tertindas.

Meskipun tumpuan diberikan mengenai pembunuhan orang awam di Gaza, matlamat lawatan Perdana Menteri adalah mengeratkan persahabatan di antara Malaysia dan Jerman. Antara program lawatan rasmi itu ialah pertemuan dua hala bersama Canselor Olaf Scholz dan kunjungan hormat ke atas Presiden Frank-Walter Steinmeier pada 11 Mac, selain bertemu Naib Canselor Dr Robert Habeck dua hari kemudian.

Bagi rakyat Malaysia, tumpuan juga diberikan kepada mesyuarat meja bulat perniagaan dengan kapten industri dan sesi pertemuan bersemuka dengan syarikat terkemuka tempatan serta Eropah pada 12 dan 15 Mac lalu.

Pertemuan ini dihadiri 38 ketua pegawai eksekutif dan eksekutif kanan mewakili 23 syarikat terkemuka Jerman. Pertemuan ini penting bagi menjamin pelaburan asing daripada Jerman terus berkembang dan masuk ke Malaysia sebagai hab perdagangan global di Asia Tenggara.

Berdasarkan data terkini, Malaysia adalah rakan dagangan terbesar Jerman di Asia Tenggara. Pada 2023, nilai dagangan Malaysia dengan Jerman berjumlah RM63.5 bilion, peningkatan 1.6 peratus nilai eksport kepada RM30.56 bilion daripada RM30.03 bilion pada 2022.

Nilai pelaburan bagi 2023 adalah sebanyak 486 projek dengan penyertaan Jerman bernilai RM45.69 bilion (AS\$12.08 bilion) dilaksanakan, mewujudkan sejumlah 49,591 peluang pekerjaan. Kini terdapat 700 syarikat Jerman sedang beroperasi di Malaysia.

Nilai dagangan di Selat Melaka yang berjumlah AS\$3.5 trilion dan laluan lebih 80,000 kapal dagangan menarik minat Jerman untuk berada di Malaysia, selain meyakini kestabilan politik dan ekonomi yang wujud di Malaysia.

Berbalik kepada pertemuan dua hala Anwar dan Scholz serta kepimpinan Anwar, kedua-dua pihak bertukar pandangan mengenai hubungan dua

hala, kerjasama ekonomi, isu serantau dan antarabangsa mempunyai kepentingan bersama.

Namun berkenaan situasi di Gaza, meskipun pendirian berbeza, kedua-dua pihak bersependapat mengenai pelaksanaan gencatan senjata secara kekal, keperluan mendesak bagi bantuan kemanusiaan berterusan kepada rakyat Palestin dan penyelesaian dua negara.

Jerman perkuat hubungan luar

Perbincangan juga menyentuh hubungan Jerman dan Malaysia dengan China. Pihak Barat melihat China sebagai pencabar kepada kekuatan ekonomi Barat. Melihat kepada isu kebergantungan terhadap China, Jerman cuba merungkai pergantungan itu dengan mengukuhkan hubungan luarnya dengan negara lain termasuk Malaysia.

“Menyentuh isu politik ekonomi antara kedua-dua negara, hubungan Malaysia dan Jerman adalah sangat akrab. Ini membolehkan perencanaan ekonomi dilakukan dengan baik”

Sebaliknya Malaysia mengakui pengaruh China semakin berkembang dan menekankan komitmen Malaysia untuk mengekalkan hubungan baik dengan Beijing, sambil terus melindungi kedaulatan dan kepentingan negara.

Apa yang menarik ialah Malaysia menerima jempukan daripada Scholz untuk menyertai *Climate Club*. Secara asasnya, Malaysia menerima baik jempukan ini kerana selari agenda Malaysia, khususnya bersangkutan teknologi hijau.

Malaysia juga yakin ini dapat dimanfaatkan dengan pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti boleh dimanfaatkan warga Malaysia. Ini akan mengukuhkan profil Malaysia bagi usaha tindakan iklim dan komitmen memenuhi tanggungjawab di bawah Perjanjian Paris.

Tambahan lagi, ini akan mengukuhkan komitmen memperluaskan kerjasama dalam bidang ekonomi, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pendidikan tinggi, perubatan iklim dan tenaga boleh diperbaharui serta sektor perusahaan

kecil dan sederhana (PKS).

Menyentuh isu politik ekonomi antara kedua-dua negara, hubungan Malaysia dan Jerman adalah sangat akrab. Ini membolehkan perencanaan ekonomi dilakukan dengan baik. Misalnya Jerman berharap Malaysia segera memuktamadkan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Kesatuan Eropah (MEUFTA) bagi mempergiatkan lagi kerjasama ekonomi.

Pada masa sama, Malaysia meminta kerjasama Jerman yang juga negara utama mendominasi Kesatuan Eropah (EU) untuk merakamkan kebimbangan Malaysia mengenai impak pelaksanaan Peraturan Penyahhutan EU menyasarkan komoditi minyak sawit.

Selain itu, isu penyalahgunaan pendanaan litigasi pihak ketiga diperbincangkan dan Kuala Lumpur meminta Jerman menyokong usaha serta inisiatif sedia ada untuk mengawal selia industri pendanaan litigasi.

Hasil lawatan Anwar dilihat berjaya membawa potensi pelaburan ke Malaysia. Misalnya, Malaysia meraih potensi pelaburan baharu bernilai RM45.4 bilion daripada tujuh syarikat Eropah bagi jangka masa lima hingga 10 tahun.

Projek di bawah Syarikat X-Fab, Melexis dan Schott Glass dituluskan pada 2023 dengan jumlah pelaburan bernilai RM4.45 bilion juga dijangka menjana 1,000 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Malah, Malaysia juga memperoleh tambahan RM1.4 bilion daripada Airbus hasil potensi jualan eksport produk dan perkhidmatan Malaysia ke Jerman dalam sektor aeroangkasa bagi tempoh lima tahun akan datang.

Ini adalah sumbangan perbelanjaan import terkumpul Airbus sebanyak RM1.86 bilion kepada ekonomi Malaysia, sepanjang tiga tahun lepas.

Jelas, terdapat banyak pelaburan berpotensi berasaskan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 termasuk semikonduktor, aeroangkasa, kimia, peranti perubatan dan teknologi kaca yang menjadi sektor penting menyumbang kepada kemajuan industri dalam negara.

Berdasarkan data German Foreign Office, Jerman juga memberi tumpuan kepada kerjasama pendidikan tinggi di Malaysia. Terdapat lebih 114 perjanjian kerjasama antara universiti Jerman dan Malaysia khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

Secara keseluruhannya, lawatan rasmi sulung Perdana Menteri ke Jerman mencapai objektifnya dari aspek mengukuhkan persahabatan sedia ada antara kedua-dua negara dan meningkatkan kerjasama perdagangan dan peluang pelaburan untuk Malaysia.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH